

Galakan sektor swasta labur teknologi baharu



KUALA LUMPUR 8 Okt. - Malaysia perlu menjadi pembekal teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menggalakkan pelaburan oleh sektor swasta terhadap pembangunan teknologi baharu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ismail Bakar berkata, sektor ICT menyumbang kepada ekonomi negara sebanyak 18.3 peratus dan negara berada dalam kedudukan terbaik dalam memanfaatkan transformasi digital.

Beliau malah berkata, kerajaan pernah menyasarkan sejak dua tahun lalu bagi melihat pertumbuhan sektor e-dagang sebanyak dua kali ganda sekali gus meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM211 bilion pada 2020.

"Inisiatif utama yang telah diperkenalkan kerajaan sebelum ini adalah ID Digital Kebangsaan (MyIdentity) yang membekalkan kaedah lebih selamat dalam mengenal pasti identiti pengguna dalam talian.

AdChoices

Learn to Trade Forex

- Low Spreads
- Trade with Advanced Charts
- 24/5 Market Access for Gold & Forex

\$50

[OPEN AN ACCOUNT](#)

Losses can exceed your deposited funds.

A LEUCADIA COMPANY

"Selain ciri keselamatan dipertingkatkan, MyIdentity membenarkan pengguna mengakses semua perkhidmatan kerajaan dengan satu nama pengguna dan kata laluan. Saya yakin transaksi dalam talian pengguna lebih terjamin dengan sistem itu," katanya selepas merasmikan Public Sector CIO Convex (PSCC) 2019 di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Datuk Dr. Mazlan Yusoff.

Yang turut hadir Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador dan Timbalan Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Dr. Yusof Ismail.

Persidangan teknologi digital itu menghimpunkan lebih 850 peserta terdiri daripada Ketua Pegawai Maklumat, pengurus ICT serta rakan strategik.

Dalam majlis sama, MAMPU melancarkan buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (Krisa) dengan kandungannya disusun berasaskan metodologi dan piawaian antarabangsa dalam pembangunan sistem.

Buku itu juga dihasilkan bagi memperkukuh keupayaan intelektual dan kepakaran penjawat awam supaya lebih bersistematik dalam aspek pembangunan sistem aplikasi.

-UTUSAN ONLINE